

1. Menurut Piore dan Sable (1984), proses perindustrian sejak Revolusi Perindustrian boleh diibaratkan sebagai suatu konfrontasi di antara sistem pengkhususan fleksibel dan sistem pengeluaran massa.

Bezakan dua sistem pengeluaran ini dari segi jenis dan bentuk firma yang terlibat, kepelbagaian barangan yang dihasilkan, dan tahap kemahiran pekerja yang menyumbang kepada proses pengeluaran.

[25 markah]

2. SAMA ADA

- [a] Ciri utama geografi aktiviti pembuatan ialah pola taburannya yang tidak merata di peringkat global serta nasional.

Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, jelaskan pola ketidaksamarataan yang dimaksudkan dan bincangkan sejauhmana keadaan ini berpunca daripada keputusan pelaburan syarikat pelbagai bangsa.

[25 markah]

ATAU

- [b] [i] Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, huraikan peranan galakan dan insentif berbentuk kewangan dan bukan kewangan dalam mempengaruhi kemasukan pelaburan terus asing ke sesebuah negara.

[15 markah]

- [ii] Berdasarkan kos yang terpaksa ditanggung kerajaan dalam melaksanakan regim galakan dan insentif ini, huraikan sejauh mana pendekatan ini berbaloi.

[10 markah]

3. Malaysia dikatakan terlalu bergantung kepada eksport barangan elektronik dan pasaran Amerika Syarikat. Bincangkan mengapa keadaan ini berlaku dan pada pendapat anda bolehkah kerajaan menangani masalah ini secara berkesan.

[25 markah]

4. Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, huraikan bagaimana rangkaian pengeluaran global terbentuk dan apakah kesannya kepada pertumbuhan firma sokongan atau pembekal di peringkat setempat.  
[25 markah]
5. [i] Jelaskan kategori-kategori klaster industri yang ideal berdasarkan pendekatan urusniaga-kos.  
[10 markah]
- [ii] Huraikan kebergunaan pendekatan ini dalam meramalkan lokasi pelaburan enterpris pelbagai bangsa.  
[15 markah]
6. [i] Jelaskan empat bentuk utama peningkatan gred industri.  
[10 markah]
- [ii] Huraikan strategi peningkatan gred industri yang sesuai untuk Malaysia dengan mengambil kira kemajuan ICT yang begitu pesat.  
[15 markah]
7. Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan perbezaan kesan ruangan daerah perindustrian yang didominasi firma-firma kecil dengan yang berteraskan firma utama.  
[25 markah]